

15 DEC 1999

Perak-Belia

PENDEKATAN BARU BAGI RAPATKAN BELIA DAN KERAJAAN, KATA TAJOL

IPOH, 15 Dis (Bernama) -- Beberapa pendekatan baru akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri Perak bagi merapatkan perhubungan di antara golongan belia dengan kerajaan negeri dan wakil rakyat.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, beliau sendiri akan meluangkan masa yang lebih bagi merapatkan dan memperkukuhkan hubungan dengan golongan belia.

"Saya akan cuba rapatkan diri, lebih rapat lagi dengan belia-belia," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri pertamanya selepas dilantik Menteri Besar di sini, hari ini.

Ditanya mengapa perhatian diberikan kepada golongan belia, beliau berkata, "Kalau ikut apa yang disebut-sebut, yang kurang memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional adalah golongan muda, jadi golongan muda ini adalah belia."

Beliau berkata, golongan muda yang terlibat dengan persatuan-persatuan belia terbukti tidak terlibat dengan gejala sosial berbanding yang tidak menyertai mana-mana persatuan belia.

Katanya, belia yang bekerja di kilang juga di dapati "terbiar" dengan tidak bergiat aktif dalam mana-mana persatuan belia dan ini merupakan sebab mengapa kerajaan negeri bertindak menggabungkan aspek pembangunan manusia, belia dan sukan di bawah sebuah jawatankuasa.

Ketua Pemuda Umno negeri Jamal Nasir Rasdi yang juga anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Lubok Merbau telah dilantik memegang portfolio berkenaan.

Tajol juga berkata, para exco dikehendaki membuat pengisytiharan harta selepas dua atau tiga bulan borang perisytiharan harta diedarkan kepada mereka.

"Semua pengisytiharan aset oleh exco akan di simpan oleh saya dan salinannya akan di beri kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata, pengisytiharan harta oleh exco bermula pada tarikh mereka mengangkat sumpah jawatan dan sesiapa yang terlibat memegang jawatan di dalam sektor korporat mesti melupuskannya.

Tajol berkata, beliau juga akan menyerahkan borang pengisytiharan hartanya kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata, empat exco yang baru akan menggunakan kereta Proton Perdana V6 sebagai kenderaan rasmi mereka menggantikan Mercedes E220.

Katanya, kesemua exco akhirnya akan menggunakan Proton Perdana V6 juga bagi menjimatkan kos kerana kereta Mercedes E220 yang digunakan kini telah berusia enam hingga lapan tahun dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi.

Pada sidang media yang sama, beliau turut mengumumkan pelantikan anggota DUN kawasan Slim, Datuk Seri Junus Wahid sebagai speaker Dewan Undangan Negeri dan anggota DUN kawasan Buntong Yik Phooi Hong sebagai timbalan speaker.

Dengan kewujudan timbalan speaker, beliau berkata, kerajaan negeri akan mengkaji supaya persidangan dewan pada penggal ini dipanjangkan seperti yang dipraktikkan di Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

MHI RHM